

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 December 2015

18 DALAM NEGERI

Malaysia perlu pelajari teknologi robot - Dr. M

Oleh HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ CYBERJAYA 12 DIS.

MALAYSIA bukan sahaja perlu meningkatkan pendapatan untuk mencapai status negara maju, malah perlu mempunyai kelebihan tertentu misalnya mencipta peralatan dalam ilmu sains dan teknologi seperti robot.

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Muhammad berkata, pada masa depan, robot amat diperlukan untuk melakukan pelbagai kerja, misalnya dalam sektor pembuatan seperti mana di beberapa negara maju lain sekarang.

Sehubungan itu, katanya, golongan belia di negara ini perlu didedahkan dengan kepakaran sains dan teknologi robot agar Malaysia tidak ketinggalan untuk menerajui industri tersebut selain membantu negara mencapai status negara maju.

"Kita perlu akui robot akan meringankan kerja manusia, cita-cita mahu menjadi negara maju bukan

bermakna kena tingkatkan pendapatan semata-mata. Kita juga kena ada kelebihan misalnya ilmu sains dan teknologi dalam pembuatan robot.

"Jangan cepat beranggapan orang Melayu tidak mampu cipta robot, jika didedahkan saya percaya kita mampu dan boleh menjadi peneraju dalam bidang sains dan teknologi baharu ini," katanya ketika berucap merasmikan Hari Robot 2015 di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, kebolehan semua kaum di Malaysia perlu diimbangi dan hakikatnya orang Melayu masih ketinggalan, oleh sebab itu mereka perlu didedahkan dengan teknologi baharu agar tidak lagi bergantung kepada kaum lain untuk berjaya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif DreamEdge, Khairil Adri Adnan berkata, Hari Robot 2015 anjuran syarikatnya di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) hari ini berjaya menarik penyertaan lebih 150 peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

Katanya, objektif penganjuran Hari Robot 2015 ialah untuk memberi

pendedahan kepada masyarakat terutamanya golongan belia terhadap teknologi robot yang semakin diterima pakai oleh dunia ketika ini, malah mendapat permintaan tinggi di luar negara ketika ini.

"Hari Robot 2015 ini berkonsep seminar dan bengkel, peserta diberikan pendedahan mengenai sistem robot termasuk bagaimana cara untuk mengaktifkannya sehingga berfungsi dan bergerak. Peserta yang hadir diterima masuk secara percuma.

"Penganjuran Hari Robot 2015 ini juga mendapat kerjasama syarikat pereka robot terkemuka di Jepun iaitu Zenkyoken Co., Ltd. dan Presidenya, Kazuaki Nakagaki turut berucap memberikan pendedahan kepada peserta mengenai cara-cara untuk mengendalikan robot," katanya.

Dalam pada itu, katanya, DreamEdge pada tahun hadapan merancang untuk mengadakan siri jelajah bagi menganjurkan Hari Robot agar semua lapisan masyarakat di semua negeri dapat mempelajari teknik-teknik mengendali dan menghasilkan robot.

Um-13/12/2015



MAHATHIR MOHAMAD melihat aksi Robot Nao menari dalam pameran sempena Hari Robot 2015 di MaGIC, Cyberjaya, semalam. Turut sama, Khairil Adri Adnan (kanan) - MINGGUAN/ZAKI AMIRUDDIN